

## Impak Pendidikan Bahasa Melayu Terhadap Tahap Kesetiaan Berbahasa Melayu dalam Kalangan Mahasiswa

Mohd Isha Awang<sup>1\*</sup>, Abdull Sukor Shaari<sup>1</sup>, Yaakob Daud<sup>1</sup> dan Zolkefli Bahador<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.*

### ABSTRAK

*Mahasiswa Institusi Pendidikan Awam dalam negara telah melalui sistem pendidikan formal bermula sejak sekolah rendah sehingga pada peringkat sekolah menengah. Dalam mengikuti pendidikan tersebut, mereka perlu mengikuti mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus dengan kepujian untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tinggi (IPT) dalam negara. Setelah belajar Bahasa Melayu dalam tempoh yang lama, adalah diharapkan pelajar berkenaan akan setia, selesa dan menggunakan bahasa kebangsaan ini dalam menelusuri kehidupan mereka di IPT. Kajian ini dilakukan bagi meninjau tahap kesetiaan dalam kalangan mahasiswa setelah mereka melalui sistem pendidikan yang mewajibkan lulus Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan sampel yang terdiri daripada mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia dengan menggunakan instrumen soal selidik. Instrument soal selidik diadaptasi daripada Gardner Attitude/Motivasi Ujian Bateri (AMTB). Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Kajian menunjukkan bahawa tahap kesetiaan berbahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa masih menunjukkan tahap yang membanggakan. Dapatan ini memberikan implikasi yang positif berhubung tahap kesetiaan terhadap Bahasa Melayu dalam negara biarpun terdapat perbezaan tahap yang ketara dalam kelompok etnik yang berbeza. Faktor motivasi, sikap, kemahiran dan kebimbangan mempengaruhi tahap kesetiaan berbahasa dalam kalangan mahasiswa. Tahap kesetiaan ini wajar terus dipupuk dengan meningkatkan tahap motivasi, kemahiran dan sikap mahasiswa serta mengurangkan tahap kebimbangan mereka untuk menggunakan Bahasa Melayu ini. Ini dapat memastikan kelangsungan identiti Bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara dan bahasa perpaduan dalam masyarakat pelbagai keturunan dan budaya dapat dipertahankan.*

**Kata Kunci:** Bahasa Kebangsaan, Kesetiaan, Motivasi, Bahasa Melayu, Mahasiswa.

### PENGENALAN

Pelaksanaan pelbagai dasar berkaitan Bahasa Kebangsaan, yakni Bahasa Melayu telah dilaksanakan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan. Langkah pertama dalam mendaulatkan Bahasa Melayu adalah melalui memaktubkan Perkara 152 (1) dalam Perlembagaan Malaysia. Perkara 152 (1) menyatakan bahawa "Bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen." Selain itu, pengukuhan dan pemantapan Bahasa Melayu dilaksanakan dengan menggubal Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang juga dikenali Akta 32 bagi menyatukan undang-undang berhubung dengan penggunaan bahasa kebangsaan. Usaha ini diteruskan lagi melalui dasar pendidikan menerusi Penyata Razak (1956), Laporan Rahman Talib 1960, Jawatankuasa Kabinet (1979) dan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Walaupun pelbagai usaha dan langkah telah dijalankan, perkembangan era globalisasi menuntut kepada penggunaan Bahasa Inggeris bahasa utama dunia. Ini menjadi cabaran kepada penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam negara sama ada dalam bidang pendidikan mahupun sebagai bahasa komunikasi utama.

---

\*Koresponden: [isha@uum.edu.my](mailto:isha@uum.edu.my)

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Perkembangan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara ini dapat kita sorot pada dua peringkat, iaitu pada peringkat persekolahan dan pada peringkat pendidikan tinggi. Pada peringkat persekolahan sama ada pendidikan rendah mahupun pendidikan menengah, pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan murid-murid sekolah dapat menguasai dan memahami Bahasa Melayu dan seterusnya berkomunikasi dalam Bahasa Melayu. Dalam sistem pendidikan pada awal kemerdekaan, pendidikan aliran kebangsaan mula dimantapkan dan sekolah aliran Inggeris mula dikurangkan sedikit demi sedikit dan seterusnya ditamatkan. Mata pelajaran Bahasa Melayu juga mula diajar sebagai mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah swasta dan sekolah jenis kebangsaan Inggeris, Cina dan Tamil.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi bahasa, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka telah memberikan penekanan agar murid dan guru harus meletakkan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dan menggunakan bahasa secara gramatis. Pelbagai kempen kebahasaan seperti Bulan Bahasa Kebangsaan dan Audit Bahasa yang bertujuan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan. Keadaan ini secara tidak langsung memberikan motivasi dan kesedaran kepada pengguna bahasa bahawa bahasa Melayu yang betul sahaja harus digunakan. Atau dalam erti kata lain “membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul”. Polisi dan aktiviti yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat membentuk semangat cinta dan setia kepada bahasa Melayu. Aktiviti kebahasaan melalui Persatuan Bahasa Melayu pada peringkat sekolah atau universiti pula dapat meningkatkan potensi berbahasa dalam kalangan murid melalui pertandingan perbahasan, syarahan, serta diskusi-diskusi bahasa.

Mengimbuai perkembangan Bahasa Melayu dalam negara kita; sebelum tahun 1970, hampir semua kursus di kolej dan universiti (kecuali kursus di Jabatan Bahasa Melayu) disampaikan dalam bahasa Inggeris. Perkembangan seterusnya secara beransur-ansur bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar kursus pada peringkat kolej dan universiti pada tahun 1970-an. Pada peringkat awal kemerdekaan, usaha memupuk perpaduan kaum dilaksanakan melalui Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sehingga tahun 1982, Bahasa Melayu telah menjadi satu-satunya bahasa pengantar di sekolah-sekolah kerajaan. Pada tahun 1980-an semua kuliah di institusi pengajian tinggi awam seperti Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia yang mengguna bahasa Inggeris telah digantikan secara beransur-ansur dengan Bahasa Melayu. Penawaran kursus-kursus kebahasaan seperti falsafah bahasa dan falsafah pendidikan bahasa kian berkembang melalui penawaran kursus pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di samping disertasi pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah.

Seterusnya kepentingan dan peranan Bahasa Melayu dikukuhkan dan diteguhkan lagi melalui Akta Pendidikan, Seksyen 15 dan 16 yang memperuntukkan bahawa Sistem Pendidikan Kebangsaan terdiri daripada pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan tinggi. Bahasa Kebangsaan adalah bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) ataupun mana-mana institusi pendidikan yang diberi pengecualian oleh Menteri Pendidikan (Lembaga Penyelidikan Undang-undang 1998a: 25). Walaupun institusi pendidikan yang diberi pengecualian oleh Menteri Pendidikan daripada menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, institusi terbabit masih perlu mengajarkan bahasa kebangsaan sebagai mata pelajaran wajib.

Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 pula memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai pengantar utama di institusi pendidikan tinggi swasta. Akta ini turut memberikan pengecualian kepada institusi pendidikan tinggi swasta tertentu dalam melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan sebagai pengantar utama. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan para cendekiawan Melayu. Mereka berpendapat bahawa pelaksanaan Akta itu akan menjejaskan

kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan negara (Zainal Abidin 1996; Shahrir 1996; Abdullah 1996; Hassan 1996; Nik Safiah 1996; Abdul Rahim 2000; Abdul Ghani 2000). Hal ini demikian kerana akta ini membenarkan kewujudan satu lagi aliran pendidikan dalam sistem kebangsaan, iaitu pendidikan swasta yang membolehkan bahasa Inggeris dan bahasa lain berperanan sebagai bahasa pengantar setelah mendapat kebenaran menteri berkenaan. Justeru, sarjana Melayu berpendapat peruntukan ini adalah suatu penyimpangan daripada dasar bahasa dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dilaksanakan pada tahun 60-an hingga tahun 80-an. Ini seolah-olah memperlihatkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan atau penyatuan serta bahasa pengantar ilmu tidak lagi dianggap sebagai bahasa utama. Tindakan kerajaan melaksanakan dasar Pelaksanaan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) memberikan impak yang besar dalam kepada peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah. Tindakan ini berupaya menjejaskan peranan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan dan memberikan impak kepada kesetiaan terhadap Bahasa Melayu.

Malah, situasi demikian menampakkan pengukuhan Bahasa Inggeris dalam pendidikan kian ketara; sementara penggunaan Bahasa Melayu semakin hambar. Keadaan ini mencetuskan persoalan tentang isu kesetiaan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan rakyat khususnya mahasiswa yang telah melalui sistem pendidikan kebangsaan dan bakal menjadi pemimpin negara pada masa depan. Justeru, kajian ini signifikan dalam meninjau tahap kesetiaan berbahasa dalam kalangan mahasiswa kerana mereka adalah pemimpin masa depan yang bakal menentukan kedudukan Bahasa Melayu nanti.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kesetiaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam yang telah melalui sistem pendidikan rendah dan menengah serta mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menentukan:

- i. Tahap kesetiaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa; dan
- ii. Faktor yang mempengaruhi tahap kesetiaan berbahasa dalam kalangan mahasiswa.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian secara khusus berkaitan kesetiaan berbahasa dalam konteks Malaysia amat terbatas. Kajian lebih tertumpu kepada aspek sikap, persepsi dan motivasi berhubung dengan Bahasa Melayu. Kajian Awang Sariyan (1988) yang menyentuh tentang persepsi penggunaan bahasa Melayu mendapati bahawa pengisian kemerdekaan melalui penggunaan bahasa Malaysia masih belum memberikan suatu kebanggaan dan lebih bersifat retorik yang dipapar melalui slogan semata-mata. Beliau turut menggesa agar golongan penggiat dan perancang bahasa bersikap memimpin. Memimpin dalam konteks ini adalah dengan menggerakkan semua aktiviti pengukuhan dan penggunaan bahasa Melayu dalam semua konteks. Sementara golongan pengguna bahasa pula harus bersedia untuk dipimpin. Yakni mengikut setiap apa yang dirancang dengan sepenuhnya. Dengan demikian sahaja usaha mendaulatkan bahasa kebangsaan lebih memberi makna dan bukan hanya berfungsi sebagai lambang dalam negara semata-mata.

Norizah (1990) yang mengkaji fenomena kebahasaan ini dalam kalangan pelajar Tahun 2, jurusan Undang-Undang Universiti Malaya menyimpulkan bahawa definisi sikap atau *attitude* sebagai suatu perlakuan yang ditunjukkan terhadap sesuatu perkara. Istilah *language attitude* pula merujuk kepada anggapan dan penilaian yang diberikan oleh masyarakat terhadap sesuatu

bahasa atau bahasa lainnya, atau tentang sesuatu dialek berbanding dialek yang lain dalam sesuatu bahasa.

Hasil daripada definisi dan tanggapan tentang *language attitude* maka disimpulkan bahawa sikap seseorang terhadap bahasa dapat dilihat berdasarkan lima faktor, iaitu faktor psikologi, kedudukan geografi, latar belakang budaya, latar belakang pendidikan dan latar belakang keluarga. Dapatan kajian Norizah turut menjelaskan bahawa terdapat perbezaan dalam kalangan informan yang memilih bahasa yang digunakan. Bagi informan berketurunan Cina, mereka cenderung menggunakan bahasa Inggeris daripada menggunakan bahasa ibunda sendiri, sebaliknya, informan Melayu pula lebih cenderung menggunakan Bahasa Melayu daripada bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, dalam situasi rasmi dan adanya tanggapan tentang "*value judgement*" terhadap situasi tersebut, kedua-dua kelompok informan lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris. Dalam situasi biasa atau situasi yang tidak ada tanggapan tentang prestij, kedua-dua kelompok informan cenderung membuat "*code switching*", yakni sama ada bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dengan bahasa Cina. Walau bagaimanapun, sikap terhadap situasi-situasi seperti yang digambarkan di atas mungkin juga dipengaruhi oleh kursus yang mereka ikuti di universiti dan cita-cita masa depan mereka.

Sa'adiah (1998) dalam kajiannya terhadap pelajar Malaysia di Britain, memberi tiga alasan tentang kepentingan sikap dalam berinteraksi dengan masyarakat. Alasan-alasan tersebut termasuklah:

- i) Sikap menunjukkan penilaian nilai kepercayaan semula jadi seseorang,
- ii) Memahami sikap memudahkan seseorang berinteraksi dengan masyarakat,
- iii) Pelbagai aspek yang ada pada seseorang dapat dilihat pada sikap yang dipegangnya.

Setiap orang atau individu mempunyai sikap yang berbeza terhadap sesuatu perkara. Sikap seseorang akan sentiasa mudah berubah dan mudah pula disesuaikan dengan fungsi sikap itu sendiri. Hal ini kerana, sikap bahasa dapat membentuk kecekapan bahasa sesuatu masyarakat. Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini masih belum ada kajian tentang identiti bahasa kebangsaan dari aspek pembangunan instrumentasi dan model identiti bahasa kebangsaan yang bersifat makro dan mikro dalam kalangan akar umbi masyarakat seperti kajian ini.

Mohd. Firdaus Abu Salam (2003) telah melakukan tinjauan tentang sikap serta motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Inggeris serta kaitannya dengan pencapaian mata pelajaran tersebut di sekolah menengah bahagian pedalaman Sabah. Kajian beliau juga mengukur kekuatan dua hubungan; iaitu hubungan di antara sikap dan motivasi, dan hubungan di antara motivasi dan pencapaian. Hubungan setiap pemboleh ubah dijelaskan melalui model "*Socio-educational*" yang dikemukakan oleh Gardner. Berasaskan model tersebut, satu kerangka konseptual dibentuk menjadi garis panduan kajian dan seterusnya menjelaskan hubungan setiap pemboleh ubah bagi menjawab persoalan yang diutarakan. Dalam kajian ini, beliau merujuk makna sikap kepada satu keadaan fikiran, perasaan dan reaksi teratur terhadap manusia, kumpulan, isu-isu sosial atau sebarang peristiwa.

Terdahulu daripada itu, Zamri Mahamod dan Zarina Othman (2001) telah menjalankan analisis kemerosotan pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu (BM) dalam dua peperiksaan utama; iaitu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR), yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Dapatan analisis mereka mendapati, sikap merupakan salah satu daripada faktor penyumbang kepada kemerosotan pencapaian tersebut. Kesenambungan kajian berkenaan, mereka telah melaksanakan satu kajian yang bertajuk Sikap Pelajar Cina Terhadap Pembelajaran BM sebagai bahasa Kedua. Hasil penyelidikan mereka menunjukkan ramai pelajar Cina tidak memiliki kepastian yang jelas berhubung tujuan mereka mempelajari BM. Hampir separuh daripada pelajar Cina yang dikaji

masih memiliki sikap yang positif terhadap proses pembelajaran BM sebagai bahasa kedua, terutamanya pelajar Cina perempuan berbanding pelajar lelaki. Faktor guru juga didapati mempengaruhi sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran BM. Ada pelajar dalam kajian berkenaan berpendapat bahawa guru BM mereka dapat mengubah sikap mereka. Kebanyakan pelajar Cina adalah bersetuju bahawa guru BM mempunyai pengaruh dalam mengubah sikap dan pandangan mereka dalam pembelajaran BM.

Selain sikap, motivasi turut berkait dengan aspek kesetiaan. Terdapat banyak definisi yang berbeza tentang motivasi, khususnya dalam pembelajaran bahasa. Harmer (1991) menerangkan makna motivasi sebagai "pemacu dalaman" yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu. Misalnya, jika seseorang berfikir untuk mencapai matlamatnya, maka dia akan berusaha untuk mencapai matlamat tersebut. Hal ini disebut sebagai "tindakan yang didorong oleh motivasi".

Lightbown dan Spada (1999) menekankan bahawa motivasi dalam pembelajaran bahasa berkait rapat dengan dua faktor, iaitu keperluan komunikatif pelajar dan sikap mereka terhadap komuniti bahasa. Sementara Parsons, Hinson dan Brown (2001) mentakrifkan motivasi sebagai satu komponen penting atau faktor dalam proses pembelajaran. Pembelajaran dan motivasi mempunyai kepentingan yang sama untuk mencapai sesuatu. Pembelajaran membuatkan kita menimba ilmu dan kemahiran baru dan motivasi mendorong kita atau menggalakkan kita untuk berusaha melalui proses pembelajaran.

Gardner (1982) dalam model sosio-pendidikan beliau menyatakan bahawa motivasi terdiri daripada tiga elemen yakni usaha, keinginan dan kesan. Usaha merujuk kepada masa yang digunakan mengkaji bahasa dan memandu pelajar. Keinginan menunjukkan sejauh mana pelajar berkeinginan menjadi mahir dalam bahasa itu, dan kesan bermakna reaksi emosi pelajar itu yang berkaitan dengan aspek pembelajaran bahasa.

Pinmanee (1991) melihat motivasi sebagai suatu proses terangsang dengan rangsangan untuk mencapai tujuan yang dikehendaki, tingkah laku atau keadaan. Motivasi juga adalah proses yang berterusan berasaskan keinginan seseorang. Harmer (1991) menggunakan perkataan 'matlamat' untuk mengkategorikan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua kepada dua jenis, iaitu:

- i) matlamat jangka pendek, iaitu pelajar ingin berjaya dalam melakukan sesuatu pada masa akan datang. Contohnya, pelajar yang mahu lulus peperiksaan atau untuk mendapatkan gred yang baik atau markah yang tinggi.
- ii) matlamat jangka panjang pula merujuk kepada hasrat pelajar atau pelajar yang ingin mendapatkan pekerjaan yang lebih baik pada masa depan atau keinginan berkomunikasi dengan orang yang menggunakan bahasa yang mereka belajar atau bahasa sasaran.

Krashen (1988) mengkategorikan motivasi berdasarkan dua fungsi berikut:

- i) Motivasi integratif. Dikaitkan sebagai keinginan untuk menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat yang diiktiraf atau penting dalam masyarakat atau masyarakat yang bertutur dalam sesuatu bahasa. Ia adalah berdasarkan kepada kepentingan dalam pembelajaran bahasa kerana keperluan mereka untuk belajar atau bergaul dengan orang-orang yang menggunakan bahasa tersebut atau kerana tujuan atau niat untuk mengambil bahagian atau mengintegrasikan dalam bahasa berkenaan atau menggunakan bahasa yang sama dalam masyarakat tersebut. Ada ketikanya melibatkan emosi atau afektif (Saville-Troike, 2006).
- ii) Motivasi instrumental. Ia melibatkan konsep nilai praktikal dalam pembelajaran bahasa demi meningkatkan kerjaya pelajar atau peluang-peluang, memberikan mereka lebih

prestij dan kuasa, mengakses maklumat saintifik dan teknikal, atau lulus pengajian mereka (Saville-Troike, 2006).

Motivasi merupakan aspek yang memberikan sumbangan besar dalam menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang dalam sesuatu perkara. Hal ini termasuklah dalam pembelajaran bahasa. Spolsky (1990) menyatakan bahawa pelajar yang bermotivasi berkecenderungan untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang sesuatu dan belajar lebih cepat berbanding pelajar yang kurang bermotivasi. Dalam situasi pembelajaran tertentu, pelajar yang kurang bermotivasi mungkin hilang tumpuan belajar, perlakuan nakal dan menimbulkan masalah disiplin. Sebaliknya, pelajar yang lebih bermotivasi sentiasa aktif dalam aktiviti pembelajaran dan memberi perhatian yang lebih kepada tugas pembelajaran tertentu atau aktiviti yang telah ditetapkan.

Krashen (seperti yang dipetik dalam Lightbown dan Spada (1999)), menyatakan bahawa emosi yang keletihan, kemurungan, kebosanan, dan lain-lain akan menghalang proses pembelajaran pelajar. Selain itu, kebimbangan juga menjadi faktor yang mempengaruhi turut meninggalkan kesan. Tahap kebimbangan yang rendah adalah lebih membantu dalam pemerolehan bahasa (Oller dan Richards, 2003). Ini bermakna bahawa kebimbangan pelajar 'boleh mempengaruhi tahap motivasi mereka. Menurut Krashen, terdapat tiga pembolehubah afektif yang boleh memberikan kesan, iaitu: (i) Motivasi, (ii) Keyakinan diri dan (iii) Kebimbangan.

Beberapa kajian yang dijalankan di Malaysia berhubung motivasi bahasa seperti kajian Azizi dan Jaafar Sidek (2006), menyatakan bahawa motivasi dianggap sebagai unsur yang membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Malah boleh menjadikan proses pembelajaran berlaku dalam situasi yang lebih bermakna, berfaedah dan menyeronokkan. Kajian Chew Fong Peng dan Zahari Ishak (2008) menyimpulkan bahawa Bahasa Melayu hanya sesuai digunakan bagi kursus Pendidikan Islam dan Bahasa Inggeris sesuai untuk kursus perubatan serta Bahasa Inggeris lebih banyak digunakan berbanding Bahasa Melayu. Sementara Kajian Jerie dan Zamri (2010) berkaitan dengan sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mendapati bahawa sikap dan motivasi yang tinggi dalam kalangan murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu.

Kajian Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim dan Ku Hasnita Ku Samsu (2017) menunjukkan bahawa tahap kefasihan dan pengiktirafan mahasiswa adalah tinggi terhadap Bahasa Melayu. Walaubagaimanapun dari segi usaha memartabatkan Bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa adalah sederhana. Pada umumnya dapatan kajian mereka juga menunjukkan bahawa kemahiran mahasiswa dalam aktiviti kebahasaan seperti bersajak, berpantun dan menggunakan peribahasa masih belum dikuasai sepenuhnya.

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan. Populasi kajian ialah mahasiswa institusi pengajian tinggi awam tempatan. Pemilihan sampel melibatkan pemilihan secara rawak bebas yang melibatkan 803 orang mahasiswa di Semenanjung dan Sabah serta Sarawak. Pada umumnya kajian ini melibatkan dua fasa, iaitu fasa pertama membangunkan instrumen kajian, menguji dan menentu ukur (validation and Calibration) instrumen kajian. Fasa kedua, menentukan tahap kesetiaan berbahasa dalam kalangan mahasiswa IPT.

Instrumen soal selidik digunakan bagi tujuan pengutipan data kajian. Kajian ini menggunakan Skala Likert 5 mata yang telah diadaptasi daripada Skala Likert Gardner Attitude / Motivation Test Battery (AMTB) Gardner (1960). Terdapat 18 item dalam soal selidik yang berkait dengan sikap dan motivasi dan penggunaan bahasa. Bahagian I: Maklumat demografi pelajar: jantina,

lokasi tempat tinggal, dan negeri asal. Bahagian II: Pernyataan Sikap, motivasi dan penggunaan Bahasa Melayu. Hasil kajian rintis yang dijalankan menunjukkan nilai *alpha Cronbach* berada pada tahap yang boleh dipercayai ( $p = 0.93$ )

Data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan program SPSS. Analisis deskriptif melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai serta analisis inferensi menggunakan ujian Regresi untuk menghuraikan dapatan kajian. Bagi menentukan tahap kesetiaan berkenaan, berikut julat tahap kesetiaan yang digunakan.

Julat min	Tafsiran
3.68 – 5.00	Tahap tinggi
2.34 – 3.67	Tahap sederhana
1.00 – 2.33	Tahap rendah

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama analisis profil responden dan bahagian kedua menghuraikan tahap kesetiaan dan faktor yang mempengaruhi tahap kesetiaan berbahasa responden kajian.

### Profil

Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat profil sampel kajian ini. Bahagian ini menunjukkan data demografi umum daripada responden. Keputusan adalah dipapar berdasarkan soal selidik seperti jadual di sebelah:

**Jadual 1** Demografi (N=803)

		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	189	23.5
	Perempuan	614	76.5
Kaum	Melayu	568	70.9
	Cina	79	9.8
	India	14	1.7
	Melanau	9	1.1
	Kadazan /Dusun	48	6
	Iban	23	2.9
	Bidayuh	10	1.2
	Lain-lain	52	6.5
Gred BM Peperiksaan	UPSR		
	Gred A	659	82.1
	Gred B	128	15.9
	Gred C	14	1.7
	Gred D	2	.2
	PMR		
	Gred A	564	70.2
	Gred B	221	27.5
	Gred C	16	2.0
	Gred F	2	0.2
	SPM		
	Gred A	552	68.7
	Gred B	218	27.1
	Gred C	32	4.0
	Gred F	1	0.1

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan responden dalam kajian rintis yang telah dijalankan. Sampel kajian melibatkan 803 orang yang terdiri daripada 189 orang pelajar lelaki dan 614 orang pelajar perempuan. Sampel datang daripada 45.4% daripada lokasi tempat tinggal kawasan bandar, 39% daripada luar bandar dan selebihnya daripada pinggir bandar. Dari segi pencapaian Bahasa Melayu pelajar dalam peperiksaan awam semasa persekolahan mereka didapati lebih 82.1% pelajar mendapat Gred A dalam 68.7% dalam peperiksaan SPM. Terdapat masing-masing dua orang (0.2%) dan seorang (0.1%) yang gagal dalam Bahasa Melayu bagi peperiksaan PMR dan SPM.

Keadaan ini menunjukkan bahawa kebanyakan sampel kajian ini mempunyai tahap pencapaian yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat UPSR, PMR dan SPM.

### Tahap Kesetiaan dan Faktor yang Mempengaruhi Tahap Kesetiaan Berbahasa Melayu

**Jadual 2** Tahap kesetiaan

	<b>Min</b>	<b>SP</b>
<b>Tahap Kesetiaan</b>	<b>3.97</b>	<b>.49</b>

Berdasarkan Jadual 2 di atas, kajian mendapati tahap kesetiaan berbahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa adalah tinggi ( $M=3.97$ ,  $SP=0.49$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa kecenderungan mahasiswa IPTA untuk menggunakan Bahasa Melayu. Bagaimanapun dapatan kajian ini sedikit berbeza kerana kajian Siti Nor Azhani, Adlina dan Ku Hasnita (2017) menunjukkan pemertabatan Bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa menunjukkan tahap yang sederhana.

**Jadual 3** Perbandingan tahap kesetiaan BM berdasarkan jantina

<b>Jantina</b>	<b>N</b>	<b>Mean</b>	<b>Std. Deviation</b>	<b>T</b>	<b>Sig. (2-tailed)</b>
Lelaki	189	3.8889	.49296	2.708	.007
Perempuan	614	3.9980	.48123		

Jadual 3 di atas menunjukkan dapatan kajian ujian-t bagi menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan dari segi tahap kesetiaan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesetiaan berbahasa Melayu mengikut jantina,  $t(801) = 2.708$ ,  $p < 0.05$ . Tahap kesetiaan pelajar perempuan lebih tinggi ( $m=4.00$ ,  $SP=0.48$ ) daripada pelajar lelaki ( $m=3.89$ ,  $SP=0.49$ ).

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan Chew Fong Peng dan Zahari Ishak (2008) yang menunjukkan tahap mahasiswi perempuan lebih tinggi daripada mahasiswa lelaki berhubung dengan penggunaan Bahasa Melayu.

**Jadual 4** Perbandingan tahap kesetiaan BM kaum Melayu dan bukan Melayu

<b>Kaum</b>	<b>N</b>	<b>Mean</b>	<b>Std. Deviation</b>	<b>t</b>	<b>Sig. (2-tailed)</b>
Melayu	568	4.0515	.42851	6.657	.001
Bukan Melayu	235	3.7809	.55885		

Jika dikaji dari aspek kesetiaan mengikut berdasarkan etnik Melayu dan bukan Melayu. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan tahap kesetiaan Bahasa Melayu yang signifikan mengikut kaum,  $t(353.07)=6.67$ ,  $p < 0.05$ . Hal ini menunjukkan tahap kesetiaan kaum Melayu lebih tinggi ( $m=4.05$ ,  $SP=0.43$ ) berbanding bukan Melayu ( $m=3.78$ ,  $SP=0.56$ ). Keadaan ini menunjuk penutur jati lebih tinggi tahap kesetiaan berbahasa kepada bahasa ibunda sendiri berbanding penutur bahasa kedua atau ketiga.



**Jadual 5** Perbandingan tahap kesetiaan BM mengikut aliran Sains dan Sastera

Kaum	N	Mean	Std. Deviation	t	Sig. (2-tailed)
Sastera	568	3.9890	.48577	2.625	.009
Sains	235	3.8520	.47215		

Jika dibandingkan berdasarkan aliran utama pengajian, iaitu aliran sains dan sastera, didapati wujud perbezaan tahap kesetiaan berbahasa Melayu yang signifikan,  $t(801)=2.63$ ,  $p<0.05$ . Ini menunjukkan tahap kesetiaan mahasiswa aliran sastera ( $m=3.99$ ,  $SP=.486$ ) lebih tinggi daripada mahasiswa aliran sains ( $m=3.85$ ,  $SP=.472$ ).

Hasil ujian regresi bagi menentukan pengaruh faktor kemahiran berbahasa, sikap, kebimbangan dan motivasi terhadap tahap kesetiaan Bahasa Melayu ditunjukkan dalam jadual 6 di bawah.

**Jadual 6** Faktor yang mempengaruhi tahap kesetiaan Bahasa Melayu

Model Summary				
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.969 <sup>a</sup>	.939	.939	.12012

a. Predictors: (Constant), kemahiran, Attitud, Bimbang, Motivasi

ANOVA <sup>a</sup>						
Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	177.847	4	44.462	3081.313	.000 <sup>b</sup>
	Residual	11.515	798	.014		
	Total	189.361	802			

a. Dependent Variable: kesetiaan


b. Predictors: (Constant), kemahiran, Attitud, Bimbang, Motivasi

Coefficients <sup>a</sup>						
Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	.202	.040		5.117	.000
	Motivasi	.401	.009	.452	43.247	.000
	Sikap	.200	.006	.311	34.048	.000
	Bimbang	.206	.004	.434	48.117	.000
	kemahiran	.229	.007	.313	31.960	.000

a. Dependent Variable: kesetiaan

Jadual 6, di atas menunjukkan hubungan kekuatan pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas yang mempunyai hubungan yang tinggi ( $R=0.97$ ) dengan nilai R Square =0.94 yang menunjukkan pemboleh ubah bebas (Kemahiran, Sikap, Kebimbangan dan Motivasi) mempengaruhi pemboleh ubah terikat (Kesetiaan) sebanyak 94%. Pengaruh faktor kemahiran, atitud, kebimbangan dan motivasi terhadap kesetiaan berbahasa adalah signifikan ( $F=3081.31$ ,  $p<0.01$ ). Keputusan analisis data menunjukkan semua pemboleh ubah peramal adalah signifikan, iaitu motivasi ( $\beta=.45$ ,  $p<0.01$ ), sikap terhadap Bahasa Melayu ( $\beta=.31$ ,  $p<0.01$ ), kebimbangan ( $\beta=.43$ ,  $p<0.01$ ) dan faktor kemahiran ( $\beta=.31$ ,  $p<0.01$ ).

Perhubungan setiap faktor peramal berkenaan dapat ditunjukkan dalam rajah di bawah.



**Rajah 1.** Hubungan setiap faktor peramal dengan tahap kesetiaan Berbahasa Melayu.

Justeru itu kajian ini selari dengan kajian Spolsky (1990) dan Azizi dan Jaafar Sidek (2006) berkaitan aspek motivasi kajian Oller dan Richards (2003) berkaitan dengan kebimbangan serta kajian Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim dan Ku Hasnita Ku Samsu (2017) berkaitan aspek kemahiran atau kefasihan.

## KESIMPULAN

Sebagai rumusannya, dapatan kajian ini menyediakan maklumat tentang tahap kesetiaan Bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa di IPTA tempatan. Di samping itu, kajian ini juga telah mengetengahkan pengaruh faktor sikap, motivasi, kebimbangan serta kemahiran bahasa terhadap tahap kesetiaan berbahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa. Dapatan kajian ini memberikan maklumat yang jelas dan berguna kepada pihak berwajib dalam merangka dasar dan aktiviti bahasa dalam sistem pendidikan di Malaysia umumnya dan sistem pendidikan peringkat pengajian tinggi, pendidikan menengah dan pendidikan rendah secara khususnya. Walaupun sumber data kajian ini mungkin tidak mewakili keseluruhan kumpulan pelajar lain, penyelidik masih yakin bahawa keputusan yang akan memberi gambaran relatif dan menjadi nilai yang besar kepada pihak berkuasa atau penyelidik berkenaan.

## RUJUKAN

- Ahmat Adam. (1994). *Isu bahasa dan pembentukan bangsa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arnold, J. (2000). *Affect in language learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Asmah Hj Omar. (1999). Bahasa Melayu merentas alaf: Unjuran ke alaf baru dlm. *Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 43* (11).
- Awang Sariyan. (1999). Pendidikan bahasa Melayu di Malaysia: Dari tradisi ke reformasi dlm *Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 43* (10)
- Chew Fong Peng & Zahari Ishak. (2008). Tahap penggunaan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa/i IPTA dan IPTS dalam sistem pendidikan negara dlm. *Jurnal Pengajian Melayu, 19*, hlm. 16 – 36.
- Dornyei, Z. (2002). *Motivational strategies in the language classroom*. Cambridge: University Press.
- Ellis, R. (1997). *Second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press. 915
- Gardner, R. C., and Lambert, W.E. (1972). *Attitude and Motivation in Second Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Gardner, R.C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. London: Edward Arnold Publishers.
- Jerie anak Peter Langan dan Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Harmer, J. (1991). *The practice of English language teaching*. London: Longman.
- Hedge, T. (2000). *Teaching and learning in the language classroom*. Oxford: United Kingdom: Oxford University Press.
- Isahak Haron. (1999). Penggunaan dan penguasaan Bahasa Melayu dalam pendidikan tinggi di Malaysia: Cabaran dalam alaf baru dlm. *Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 43*(9).
- Krashen, S. (1988). *Second language acquisition and second language learning*. London: Prentice Hall International (UK).
- Lightbown, P.M., & Spada, N. (1999). *How languages are learned*. Oxford: Oxford University.
- Parsons, R., Hinson, S., Brown, D. (2001). *Educational psychology: practitioner – researcher models of teaching*. University of Virginia: Wadsworth Thomson Learning.
- Perlembagaan Persekutuan (2006)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Prapphal, K. (1981). *Learning English in Thailand: Affective, demographic and cognitive Factors*. Unpublished doctoral dissertation, University of New Mexico.
- Saville-Troike, M. (2006). *Introducing second language acquisition*. New York: Cambridge University Press.
- Siriluck Wechsumangkalo and Sirithip Praserttrattanadecho (2002). *Integrative motivation, instrumental motivation, and English achievement among students in the Faculty of Arts*. Unpublished master's thesis, School of Language and Communication. National Institute of Development Administration.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim dan Ku Hasnita Ku Samsu. (2017). Pengukuran tahap pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi, dlm *GEMA Online, Journal of Language Studies, 17*(2), hlm. 105 – 121.
- Spolsky, B. (1990). *Conditions for second language learning*. Hong Kong: Oxford University Press.
- Zaliza Mohamad Nasir, Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 134*. 408 – 415
- Zamri Mahamod. (2004). Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

